


LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD



Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Ministry of Science, Technology and Innovation



Batu 24, Jalan Dengkil
43800 Dengkil
Selangor

24 Februari 2014

Notis Pemberitahuan

Bil. 03/2014

**PEMERIKSAAN PERUBATAN PRA-PEKERJAAN HANYA BAGI PEKERJA DI
KAWASAN KAWALAN**

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan kepada pemegang lesen mengenai keperluan untuk melakukan pemeriksaan perubatan pra-pekerjaan hanya kepada pekerja di kawasan kawalan.

LATAR BELAKANG

2. Peraturan-Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 {P.U. (A) 46} telah dikuatkuasakan pada 15 Februari 2010 bertujuan untuk melindungi orang awam, pekerja dan alam sekitar daripada bahaya sinaran mengion. Keperluan perundangan berkaitan keselamatan sinaran di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) diperjelaskan melalui Peraturan ini yang merangkumi semua aspek perlindungan sinaran daripada bahaya sinaran kepada orang awam, pekerja dan alam sekitar.

3. Salah satu aspek perlindungan yang dijelaskan dalam P.U. (A) 46 adalah mengenai pemeriksaan perubatan pra-pekerjaan. Mengikut P.U. (A) 46, Sub-Peraturan

31(1), tiap-tiap orang yang akan diambil kerja dalam suatu kawasan kawalan hendaklah menjalani suatu pemeriksaan perubatan pra-pekerjaan.

ARAHAN AELB

4. Berdasarkan Sub-Peraturan 31(1) tersebut, pemeriksaan perubatan pra-pekerjaan hendaklah dilakukan terhadap pekerja yang bekerja di kawasan kawalan. Untuk pekerja yang bekerja di kawasan selain kawasan kawalan, pemeriksaan perubatan pra-pekerjaan adalah tidak diperlukan.
5. Keputusan dan arahan ini **berkuatkuasa 24 Februari 2014**.

PENUTUP

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah.

Pengarah

Bahagian Dasar, Kod dan Standard

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Batu 24, Jalan Dengkil

43800 Dengkil, Selangor

No. Tel : +603-89225888

No. Faks : +603-89223685

E-mel : pbs@aelb.gov.my

Laman Web : wwwaelb.gov.my